

Kebebasan Individu dan Campurtangan Kerajaan Dalam Konteks Ekonomi Islam

Ab Mumin bin Ab Ghani

Abstract

There are two extreme conventional approaches towards the freedom of market i.e. laissez faire and socialist. The first believes that the market will be determined by supply and demands thus, a government has no right to intervene. The second views that the government should determine the market. Islam however, does not favour any of these two, but the approach is rather moderate than extreme. The writer elaborate the ways Islam treats individual freedom and the extent of governmental interference is allowed.

Pendahuluan

Dalam sejarah ekonomi terdapat dua pandangan ekstrim tentang campurtangan kerajaan dan kebebasan individu di dalam urusan sesuatu ekonomi. Pandangan ekstrim yang pertama melihat persoalan ekonomi tidak perlu langsung kepada campurtangan kerajaan dengan membiarkan individu bebas bertindak mengikut kepentingan masing-masing. Golongan ini mewakili sistem ekonomi bebas atau *Laissez faire*.¹ Pandangan ekstrim kedua berpendapat pihak pemerintah mempunyai kuasa penuh terhadap segala keputusan dan perjalanan sesebuah ekonomi. Golongan ini mewakili sistem ekonomi sosialis. Sebenarnya apa yang membezakan di antara satu-satu sistem ekonomi² itu dengan yang lain adalah terletak pada sejauhmana campurtangan kerajaan di dalam sesuatu ekonomi tersebut.³

Kebebasan ekonomi merupakan teras utama di dalam struktur pasaran mengikut sistem ekonomi Islam. Kebebasan ini tidaklah pula sampai kepada menegah langsung campurtangan kerajaan dalam operasi pasaran sebagaimana saranan golongan kapitalis.⁴ Bentuk struktur pasar dalam sistem ekonomi Islam adalah lebih berbentuk koperasi bebas. Ia lebih menonjolkan kerjasama antara semua pihak di dalam sesuatu pasaran itu. Kerjasama ini bagi menjamin perhubungan yang sentiasa erat di kalangan anggota masyarakat demi memelihara individu dan kepentingan umum secara semula jadi.⁵ Selain dari kerjasama, ia juga mempunyai kebebasan dan persaingan secara terpimpin mengikut lunas-lunas syariah Islam. Dalam erti kata lain, ekonomi Islam tidak membenarkan kebebasan ekonomi yang mutlak sebaliknya ia diikat dengan nilai-nilai yang tertentu oleh Islam.⁶

Islam mengiktiraf peranan pihak berkuasa atau kerajaan dalam ekonomi. Peranan ini amat penting walaupun agak terhad bagi memastikan sesuatu ekonomi itu berjalan dengan selamat dan lancar. Apabila sesuatu ekonomi itu gagal untuk berfungsi secara semulajadi, pihak berkuasa mestilah mengambil langkah campurtangan untuk membaiikinya dengan melaksanakan pelbagai dasar dan polisi yang tertentu. Campurtangan pihak berkuasa ini demi menjaga kemaslahatan umum dan ketenteraman negara dengan menguatkuasakan peraturan dan mengenakan sekatan-sekatan terhadap institusi *Hisbah*.⁷ Sejarah awal Islam telah menunjukkan bahawa jaminan kepada mewujudkan pasaran yang sihat dilaksanakan dengan menubuahkan institusi *al-Hisbah* yang memainkan peranan utama sebagai badan pengawas.

Kebebasan yang Terikat

Islam mengakui kebebasan ekonomi tanpa mengingkari atau menafikannya sebagaimana dalam sistem sosialis dan tidak pula membiarkan tanpa kawalan sebagaimana yang disarankan oleh sistem kapitalis. Kebebasan yang dimaksudkan ini merupakan kebebasan yang terkawal oleh akhlak dan syariah Islam.⁸ Ia bukanlah bermaksud setiap pihak dalam pasaran bebas melakukan apa yang disukainya tanpa memperhitungkan pihak-pihak lain. Kawalan syariah diperlukan sekiranya pihak-pihak tertentu atau individu dalam pasar tersebut melupai tanggungjawab mereka dan hanya mementingkan diri sendiri sahaja. Untuk menjamin kebebasan ini, Islam telah mengatur beberapa peraturan agar setiap urusniaga yang dijalankan hendaklah atas asas kerelaan (suka sama suka) semua pihak, sebagai Allah berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang

salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”

(al-Nisa' 4: 29)

Islam menghendaki supaya sentiasa wujud kebebasan dalam semua keadaan dan memberi perhatian yang besar terhadap kebebasan individu sehingga kepada kebebasan beragama.⁹ Perhatian ini boleh dilihat daripada penekanan kepada tanggungjawab seseorang dalam Islam. Prinsip tanggungjawab merupakan perkara paling asas dalam ajaran Islam. Memandangkan kebebasan adalah amat berkait rapat dengan tanggungjawab, maka semakin besar penekanan diberi kepada tanggungjawab, semakin besarlah juga perhatian kepada kebebasan.¹⁰ Mana-mana pihak adalah bebas bertindak dalam urusan ekonominya selagi ia dapat memelihara tanggungjawabnya dan selagi ia tidak mengganggu pihak lain atau tindakan itu tidak akan mendatangkan kemudaratannya kepada masyarakat umum.

Sepanjang sejarah umat Islam, kebebasan berekonomi dijamin oleh masyarakat dan sistem perundangan Islam.¹¹ Rasulullah sendiri enggan menetapkan harga apabila didapati ianya melambung tinggi. Ini terbukti apabila Rasulullah pernah didesak oleh para sahabat supaya menetapkan harta ketika terjadi kenaikan harga yang tiba-tiba di Madinah, tetapi baginda enggan berbuat demikian kerana pada perkiraan baginda kenaikan harga ini adalah atas faktor penawaran dan permintaan. Ini sebagaimana maksud sebuah ḥadīth, iaitu:¹²

Daripada Anas yang berkata, “Harga barang telah melambung pada zaman Rasulullah dan sahabat-sahabat berkata, “Wahai Rasulullah apalah kiranya jika dapat tuan menetapkan harga”, Rasulullah menjawab, “Sesungguhnya Allah adalah penentu harga, yang menahan, yang melapangkan dan yang memberi rezeki. Sesungguhnya aku sangat mengharapkan supaya aku menemui Allah sedangkan tidak seseorang dari kamu menuntut aku tentang kezaliman dalam hal darah dan harta.”

Hadīth ini dengan jelas menunjukkan wujudnya kebebasan dalam pasaran di mana Nabi menolak cadangan supaya campur tangan dalam penentuan harga di pasaran kerana cara ini akan menzalimi pihak-pihak tertentu.¹³ Keengganan ini juga adalah selaras dengan prinsip keadilan dalam perniagaan yang tidak membenarkan pemakaian ke atas pengeluar atau penjual untuk menjual barang-barangnya pada harga yang lebih rendah dari harga pasaran selagi perubahan harga ini benar-benar berpunca dari faktor penawaran dan permintaan tanpa wujudnya pengaruh monopolii atau monopsomi.¹⁴ Dalam sistem ekonomi Islam, mekanisme pasar memainkan peranan utama di mana seseorang itu adalah bebas keluar masuk di dalam sesuatu

pasar.¹⁵ Dengan andaian rasionaliti ekonomi¹⁶ dan persaingan sempurna, sistem pasaran di bawah pengaruh semangat Islam bolehlah dianggapkan sebagai sempurna. Sistem ini menggambarkan keselarasan antara pelbagai kepentingan pengguna. Memandangkan aspek ini dicapai secara automatik, maka pihak pemerintah tidak perlu campurtangan dengan banyak dalam bidang ekonomi.¹⁷

Sekalipun Islam mengiktiraf kebebasan berekonomi namun ia telah meletakkan beberapa ikatan dan peraturan yang bertujuan untuk merealisasikan dua perkara utama iaitu:¹⁸

- (i) Aktiviti ekonomi itu mestilah selari dengan syariah atau tidak bertentangan dengan kehendak syariah. Umpamanya pengharaman riba, jual beli yang mengandungi *al-gharar*, penyalahgunaan kuasa untuk memperolehi harta, pemborosan dan kemewahan yang melampau dan menyimpanbeku atau menyorok harta.¹⁹
- (ii) Menjamin hak campurtangan kerajaan di dalam mengawasi aktiviti ekonomi individu dan merancang serta melaksanakan aktiviti ekonomi yang tidak mampu dilaksanakan oleh individu.

Campurtangan Kerajaan

Kebebasan dan keadilan yang dituntut oleh Islam di atas merupakan keadilan sejagat yang meliputi bukan sahaja bagi orang-orang Islam tetapi kepada keseluruhan alam. Syariat Islam telah menerangkan hak-hak individu dan hak-hak masyarakat dan telah menguatkuaskan keadilan itu dengan berbagai-bagai cara yang dapat dilihat dari ciri-ciri hukumannya. Dengan demikian semua orang akan merasa aman terhadap keselamatan diri, jiwa, harta benda, kehormatan dan segala hak-hak yang sah dan halal. Islam amat menekankan kepada keselamatan dan keamanan bagi lima perkara mutlak yang menjadi asas kepada kesejahteraan umat manusia, iaitu mengawal agama, mengawal jiwa, mengawal akal fikiran, mengawal harta benda dan keturunan. Undang-undang Islam digubal untuk menyusun kehidupan masyarakat Islam selaras dengan nilai-nilai Islam.

Undang-undang Islam tidak boleh dipisahkan dari matlamat tujuannya untuk mewujudkan masyarakat yang bahagia, kuat, berkebolehan menghadapi segala cabaran dan masalah. Islam lebih mementingkan kemuslihanan umum. Individu dalam Islam terpaksa mengenepikan kepentingan dirinya jika kepentingan itu bertembung dengan kepentingan masyarakat.²⁰ Dengan kata lain, Islam terpaksa melindungi kepentingan umum untuk mewakili masyarakat dan menjamin kestabilan dan kesejahteraan negara.²¹

Mengikut Islam, pemerintah merupakan satu autoriti yang wujud dari

kehendak masyarakat untuk menjaga segala hak dan kepentingan mereka. Bagi pemerintah melaksanakan tugas ini sudah pasti ia memerlukan kuasa terutamanya bagi mengawal peraturan-peraturan agama dan perjalanan pelaksanaan hukum tersebut supaya ia dihormati dan dipatuhi oleh masyarakat iaitu kuasa menghukum orang yang melanggari segala peraturannya.²² Individu tidak boleh diberikan hak untuk melakukan keganasan dan dalam apa jua keadaan pun, tidak dibenarkan untuk bertindak secara bersendirian dan mengganggu kebebasan serta harta benda orang lain.²³

Oleh itu, campurtangan kerajaan adalah amat perlu bagi menyekat atau mengawal bahaya-bahaya akibat dari penggunaan prinsip kebebasan individu dengan jalan yang salah.²⁴ Kenyataan yang wujud hari ini jelas menunjukkan pemerintah perlu campurtangan dalam urusan ekonomi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sistem ekonomi Islam memandang bahawa peranan Kerajaan itu wujud bersama-sama dengan unit-unit ekonomi lain dalam pasaran secara tetap dan berkekalan. Ianya dianggapkan sebagai perancang, pengawas dan pengeluar di samping sebagai pengguna.²⁵

Peranan aktif kerajaan dalam ekonomi merupakan satu perkara yang tidak asing lagi dalam sistem ekonomi sekarang. Kerajaan bertanggungjawab bagi menjaga kestabilan nilai wang, menjaga perhubungan ekonomi antarabangsa yang harmoni di samping menghapuskan kemiskinan dan menyediakan atau mewujudkan keadaan yang membolehkan tingkat gunatenaga penuh dan kadar pertumbuhan yang tinggi di dalam negeri. Prosedurnya hendaklah seboleh yang mungkin melalui pendidikan, tidak melalui paksaan. Selain dari itu, adalah menjadi peranan kerajaan juga dalam tugas-tugas perancangan pembangunan secara keseluruhannya, penyediaan infrastruktur dan peluang-peluang pembangunan ekonomi melalui pelaburan.²⁶ Pihak pemerintah hendaklah membuat campurtangan ke atas kekayaan pihak swasta setakat mana wujudnya permintaan bagi keadilan sosio ekonomi sesebuah negara itu. Bahkan sekiranya keadaan ekonomi masyarakat bertambah teruk akibat dari aktiviti-aktiviti perusahaan swasta, kerajaan digesa supaya mengambil alih perusahaan tersebut demi kepentingan ekonomi masyarakat.

Campurtangan pemerintah ini pada asasnya dapat digolongkan kepada beberapa kategori seperti berikut:

- (i) Mengadakan peraturan-peraturan untuk mempertingkatkan kecekapan mekanisme pasar

Di bawah kategori ini, pemerintah biasanya berusaha untuk menyediakan rangka dasar sosio-ekonomi agar mekanisme pasar berjalan lancar dengan efisyen. Pada asasnya ia bertujuan untuk menghindarkan kewujudan gejala pertandingan

yang tidak sempurna dalam pasaran. Melalui peraturan ini ia membataskan monopoli, pengeluaran tertentu, mengawal harga barang kawan dan sebagainya. Pihak pemerintah juga hendaklah menggubal undang-undang dan peraturan bagi memelihara harta benda dan kehidupan individu di samping menguatkuasakan kod etika perniagaan Islam. Ini semua adalah untuk memastikan bahawa mekanisme pasar berjalan dengan cekap bagi memberi faedah kepada semua.²⁷ Di samping tugas kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada, kerajaan juga dikehendaki membuat peraturan atau perundangan baru yang belum ada lagi dalam perundangan syariah. Perundangan baru ini diperlukan kerana wujudnya perkembangan dunia semasa, penemuan sumber-sumber baru dan perhubungan dengan dunia luar. Syariah Islam mempunyai kaedah-kaedah fiqh tertentu dalam usaha pihak pemerintah menyelaraskan dasar-dasar atau kaedah fiqh yang umum mengikut keadaan dan keperluan masyarakat semasa.

- (ii) Campurtangan secara langsung dalam urusan menyediakan barang-barang awam, keluaran barang strategik dan mengawal kestabilan ekonomi negara.

Penglibatan kerajaan dalam aspek-aspek mendapatkan hasil untuk negara dan melaksanakan perusahaan-perusahaan awam atau melaksanakan sendiri sesetengah aktiviti tertentu yang tidak mampu dilaksanakan oleh individu. Kerajaan juga hendaklah menjamin kestabilan ekonomi dengan meningkatkan pertumbuhan dan mengawal inflasi dan kemelesetan melalui pelaksanaan polisi belanjawan dan kewangan yang sihat dan berhemat di samping bertanggungjawab terhadap keselamatan sosial bagi menjaga sumber-sumber asli negara.

- (iii) Peranan kerajaan bersabit dengan konsep jaminan sosial dalam negara.²⁸

Jaminan sosial dalam Islam diasaskan kepada dua perkara, iaitu saling bertanggungjawab secara umum dan hak awam terhadap hasil-hasil kerajaan. Tanggungjawab umum ini adalah satu daripada tugas yang dikenakan ke atas umat Islam dan mereka sepatutnya menunaikan tanggungjawab tersebut sedaya yang boleh. Jaminan kerajaan ke atas taraf hidup minimum pula lahir dari kenyataan bahawa kerajaan bertindak sebagai wakil kepada masyarakat umum dan ianya diberi kuasa untuk memungut dana yang mencukupi melalui instrumen zakat, cukai dan sebagainya bagi membayai jaminan tersebut. Asas kedua bagi jaminan sosial iaitu hak orang awam ke atas hasil-hasil kerajaan bagi menyediakan taraf hidup yang secukupnya berbanding dengan taraf hidup umum masyarakat itu.²⁹ Ini bermakna adalah menjadi tugas Kerajaan memastikan keperluan-keperluan asas setiap individu itu dipenuhi. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, kerajaan berhak mengambil sebahagian daripada harta orang kaya dalam keadaan-keadaan seperti berikut:³⁰

- (a) Apabila negara mendapati amat sukar untuk menyediakan keperluan asas bagi golongan miskin melalui penggunaan khazanah negara.
 - (b) Apabila berlaku kemiskinan yang teruk dalam negara dan golongan kaya masih menyimpan lebihan yang banyak.
 - (c) Apabila golongan yang kaya membelanjakan harta mereka dengan membazir atau menjalani kehidupan yang terlampau mewah dan hampir merosakkan moral dan kecekapan rakyat.
- (iv) Tugas pihak pemerintah dalam hal perimbangan sosial (*al-Tawazun al-Ijtimā'i*) dalam negara.³¹

Perimbangan sosial yang dimaksudkan ini ialah perimbangan dari aspek taraf hidup dan bukannya aspek pendapatan. Islam sebenarnya mengakui hakikat bahawa setiap individu itu tidaklah sama dari aspek pendapatan masing-masing. Islam mengiktiraf perbezaan semulajadi di kalangan orang yang berlainan dalam sesuatu masyarakat dan berusaha untuk mengekalkan mereka pada taraf yang sama dengan mengambil langkah-langkah undang-undang dan moral untuk mengekalkan ketidakseimbangan tersebut pada tahap semulajadinya.³² Perbezaan ini berpunca dari dua kenyataan berikut, iaitu:³³

- (i) Perbezaan dari asalnya iaitu setiap individu memang berbeza dari aspek kebolehan, kemampuan, kepandaian, tahap kecerdikan dan sebagainya antara seseorang dengan seseorang yang lain.
- (ii) Perolehan pendapatan dan pemilikankekayaan seseorang itu berpunca daripada usaha masing-masing. Tahap usaha dan ganjaran yang diterima adalah berbeza di antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Bagi melaksanakan tugas ini kerajaan boleh umpamanya, mewujudkan satu tabung atau dana yang menjadi milik kerajaan untuk dilaburkan di tempat-tempat pelaburan yang menguntungkan dan halal. Dana ini dapat membantu menyelesaikan masalah perimbangan sosial tersebut.³⁴

Peraturan-peraturan Am Bagi Campurtangan Kerajaan

Peraturan-peraturan umum bagi pihak berkuasa mengambil tindakan campurtangan termasuklah method dan alasan-alasannya adalah seperti berikut:

- (i) Campurtangan itu dibuat dengan adanya autoriti pemerintah yang diwakilkan oleh masyarakat demi untuk menjaga keamanan dan kepentingan ahli-ahli masyarakat. Pihak pemerintah hendaklah bertindak dengan adil untuk mempertahankan kepentingan masyarakat selaras dengan prinsip-prinsip Islam.

- (ii) Keadilan, kesopanan dan kejujuran adalah merupakan syarat-syarat asas bagi sesuatu autoriti itu. Ini bagi menanamkan kepercayaan penuh individu terhadap apa-apa tindakan campurtangan kerajaan.
- (iii) Pengharusan Islam terhadap campurtangan Kerajaan dalam hal ekonomi dikira sebagai satu pengecualian. Ini bermakna pengecualian ini hanyalah setakat mana diperlukan sahaja demi menjaga kemaslahatan awam.³⁵ Oleh itu campurtangan kerajaan ini bukanlah dilakukan dengan sewenang-wenang kecuali wujud alasan-alasan tertentu yang membawa kepada tindakan campurtangan tersebut. Justifikasi yang membolehkan campurtangan ini bukanlah disandarkan pada kepentingan individu tertentu atau kemahuan segolongan tertentu tetapi ia mestilah berhubung dengan kebijakan masyarakat seluruhnya. Tujuannya adalah untuk mencapai matlamat sosial yang dikehendaki yang boleh menyumbang kepada keselamatan, keadilan dan keseimbangan dalam masyarakat. Tindakan campurtangan ini sudah pasti tidak akan ditentang oleh masyarakat kerana ia bertujuan baik dan menyakinkan mereka.

Antara tujuan-tujuan campurtangan kerajaan dalam hal-hal ekonomi adalah:³⁶

- (i) Untuk memperbetul dan menghasilkan imbalan sosial. Ini dilakukan melalui penguatkuasaan undang-undang zakat, memperkemaskan institusi waqaf dan seumpamanya lagi. Tindakan ini juga untuk mengurangkan jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin dalam masyarakat. Islam melarang sebarang bentuk pelaburan yang menyumbang kepada pembangunan atau kekayaan secara tidak bersesuaian dengan faedah sosial seperti menggalakkan pengamalan riba, monopoli yang tidak sah, eksplorasi dan sebagainya kerana bentuk-bentuk ini akan menjauhkan lagi jurang perbezaan yang terdapat di dalam masyarakat.
- (ii) Untuk melindungi ekonomi negara. Pihak berkuasa terpaksa membuat undang-undang atau peraturan bagi melindungi ekonomi negara seperti dasar perlindungan yang diamalkan oleh kebanyakan negara. Dasar atau polisi ini bertujuan melindungi atau untuk menggelakkan pengeluaran negara atau melindungi peredaran duit daripada jatuh nilainya akibat dari tindakan luar negeri atau pasaran asing. Polisi ini juga bagi melindungi industri tempatan daripada penguasaan industri negara-negara maju dengan barang mereka yang lebih berkualiti dan murah. Sekiranya tidak dilindungi, industri tempatan akan mati dan ini boleh menyebabkan kadar pengangguran meningkat dalam masyarakat.

- (iii) Mencegah atau menghalang golongan yang kuat mengeksplot golongan yang lemah. Pemerintah dengan kuasa yang ada padanya mesti menjaga golongan lemah dari ditindas oleh golongan yang berada dan berkuasa. Kerajaan terpaksa membuat campurtangan jika terdapat golongan miskin ditindas oleh golongan kaya.

Mengikut Siddiqi peranan kerajaan mengandungi 4 jenis tindakan, iaitu:³⁷

- (i) Memastikan ketaatan atau kepatuhan setiap individu pada peraturan dan perundungan syariah Islam melalui pendidikan atau sekiranya perlu melalui tindakan paksaan.
- (ii) Mengelakkan keadaan yang sihat di dalam sesuatu pasaran untuk memastikan ia benar-benar berfungsi.
- (iii) Mengubahsuai peruntukan sumber-sumber dan agihan pendapatan akibat dari mekanisma pasar dengan memberi panduan, membuat peruntukan ataupun penglibatan dan campurtangan secara langsung di dalam prosesnya.
- (iv) Mengambil langkah yang positif dalam lapangan pengeluaran dan pembentukan modal untuk mempercepatkan pertumbuhan dan memastikan keadilan sosial.

Dalil Pensyariatan Campurtangan Pemerintah

Dalil yang membolehkan campurtangan pemerintah dalam urusan ekonomi adalah:³⁸

Al-Quran memerintahkan orang yang beriman supaya mentaati pemerintah sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘ulil-amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

(Al-Nisā’ 4: 59)

Dari aspek konsep hak milik individu ke atas hartanya adalah sebenarnya merupakan hak milik mutlak Allah.³⁹ Ini terbukti dari firman Allah yang bermaksud:

“Dialah juga yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi serta yang ada di antara keduanya dan juga yang ada di bawah tanah basah di perut bumi.”

(Tāhā 20: 6)

Manusia sebenarnya hanyalah sebagai pemegang amanah sahaja ke atas harta tersebut. Oleh itu segala tindak tanduk manusia mestilah mengikut kehendak tuan punya harta itu iaitu Allah. Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasainya sebagai wakil.”

(Al-Hadid 57: 7)

Oleh yang demikian, manusia mestilah bertindak mengikut kehendak Allah berhubung dengan harta ini. Jangan sekali-kali bertindak melulu atau berlawanan dengan prinsip-prinsip agama Islam. Sekiranya manusia melanggari peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang telah Allah tetapkan maka pemerintah mesti perbetulkan tindakan tersebut. Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai atas pembangunan kehidupan kamu.”

(Al-Nisā’ 4:5)

Begitu juga terdapat banyak sekali ḥadīth Nabi yang menerangkan tentang hak pemerintah dalam menyekat kebebasan individu sekiranya ia membawa kemudaran kepada pihak-pihak lain. Antaranya satu ḥadīth yang menjadi kaedah hukum syariah Islam iaitu:⁴⁰

“Tiada mudarat dan tidak memudaratkan.”

Contoh tindakan campurtangan pihak berkuasa dalam kegiatan ekonomi adalah seperti tindakan mengagihkan semuakekayaan negara supaya tidak wujud ketidakseimbangan antara yang kaya dengan yang miskin. Inilah apa yang dikatakan oleh Rasulullah ketika baginda membahagikan *al-fay'* (harta rampasan tanpa perang) Bani Nadīr kepada kaum Muḥājirīn sahaja kecuali 2 orang Anṣār yang fakir dan miskin – supaya tidak wujud jurang perbezaan yang besar antara kaum Anṣār yang berada dalam kaum Muḥājirīn yang tidak berharta.⁴¹ Dalam hubungan harta *al-fay'* ini Allah berfirman yang bermaksud:

“Apa yang Allah kurniakan kepada Rasulnya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta musafir (yang keputusan), (ketetapan yang demikian)

Kebebasan Individu dan Campurtangan Kerajaan Dalam Konteks Ekonomi Islam

*supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya
di kalangan kamu.”*

(Al-Hashr 59: 7-8)

Batas-batas Campurtangan Kerajaan

Walaupun kerajaan atau pihak berkuasa diberi hak untuk membuat segala peraturan dan campurtangan ke atas urusan ekonomi sesebuah masyarakat, namun ia tidak bererti bahawa kuasa ini tiada batasnya. Antara batas-batas yang dikenakan oleh Islam terhadap tindakan pemerintah dalam urusan campurtangan ini adalah seperti berikut:⁴²

- (i) Pemerintah walaupun diberikan kuasa campurtangan tetapi tidak boleh sampai menghalalkan apa yang terang-terang diharamkan oleh Allah dan begitulah sebaliknya.
- (ii) Campurtangan itu hendaklah melalui pendidikan tanpa paksaan. Tindakan paksaan adalah merupakan tindakan yang terakhir setelah lain-lain usaha yang dibuat menemui kegagalan.
- (iii) Batas-batas sampai ke mana dibolehkan campurtangan pemerintah ini sukar hendak ditentukan. Ia bergantung pada keadaan dan masa serta tempat itu. Kebiasaannya dilihat kepada darjah kepatuhan individu pada segala peraturan yang telah ditentukan.

Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan bahawa dalam sistem ekonomi Islam, kerajaan mempunyai peranan semulajadi dalam aktiviti perekonomian. Ia boleh dikategorikan kepada tiga fungsi seperti berikut, iaitu:

(1) Fungsi Penstabilan

Kerajaan bertanggungjawab menstabilkan ekonomi negara dan hendaklah sentiasa memelihara kestabilan ekonomi itu dengan meningkatkan pertumbuhan dan mengawal inflasi dan kemelesetan melalui pelaksanaan polisi belanjawan dan kewangan yang sihat dan berhemat.

(2) Fungsi Peruntukan

Kerajaan bertanggungjawab mempastikan bahawa proses peruntukan sumber-sumber pengeluaran berlaku dengan adil melalui mekanisme pasar secara bersifat kerjasama. Sekiranya wujud monopoli yang mengganggu sistem pasar dan wujud inflasi, kerajaan wajib campurtangan untuk membetulkan keadaan, umpamanya seperti peraturan kawalan harga. Sumber-sumber ekonomi yang ada mestilah diperuntukkan dengan cekap dan menghindari daripada berlakunya pembaziran. Pembaziran dalam penggunaan sumber adalah merujuk kepada sama ada yang

dibiarkan mengganggu atau digunakan tetapi tidak pada kapasiti yang optimum. Bagi memastikan matlamat peruntukan sumber yang cekap, kerajaan perlulah mengenal pasti terlebih dahulu tingkat-tingkat dan keperluan anggota masyarakat mengikut hiraku berikut:⁴³

- (a) *Darūriyyah*
- (b) *Hājiyyah*
- (c) *Tahsiniyyah*
- (d) *Kamāliyyah*

Tindakan ini akan menghindari berlakunya pembaziran kerana negara tidak akan mengeluarkan barang yang tidak diingini oleh masyarakatnya. Kerajaan mesti menyediakan sumber-sumber bagi pengeluaran barang-barang darūri terlebih dahulu seperti barang keperluan utama, infra-struktur dan sebagainya. Ini adalah kerana barang-barang ini memerlukan kos yang tinggi dan pulangan yang sedikit. Begitu juga kerajaan perlu mengawal harga faktor-faktor pengeluaran supaya tidak terlalu tinggi harganya hingga mengakibatkan kenaikan kos pengeluaran dan inflasi atau terlalu rendah yang menyebabkan merosotnya kebajikan pekerja.

(3) Fungsi Pengagihan

Fungsi ini adalah untuk merapatkan jurang antara yang kaya dan miskin melalui dasar-dasar dan langkah-langkah yang tertentu. Pihak berkuasa hendaklah mempastikan wujudnya keadilan dalam pengagihankekayaan. Dalam Islam keadilan pengagihan ini dapat dicapai dalam tiga aspek berikut:⁴⁴

- (a) Pengagihan sumber-sumber semulajadi sebelum proses pengeluaran.
- (b) Pengagihankekayaan selepas kegiatan pengeluaran. Kerajaan hendaklah mempastikan bahawa faktor-faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran dibayar dengan adil.
- (c) Melaksanakan pengagihan semulakekayaan daripada yang kaya dengan yang miskin. Ini meliputi pelaksanaan beberapa dasar dan polisi seperti polisi zakat dan cukai melalui agensi Baitulmal dan sebagainya.

Nota Hujung

1. Perkataan *Laissez faire* adalah merujuk kepada dasar yang diasaskan kepada

campurtangan yang paling minimum daripada pihak pemerintah dalam urusan ekonomi sesebuah masyarakat. Ia dikaitkan dengan ahli-ahli di Perancis di antara tahun-tahun 1750 hingga 1778. Dasar *Laissez faire* ini mendapat sokongan dan penerimaan yang kuat di kalangan ahli-ahli ekonomi klasik sebagaimana yang dikembangkan oleh pelopor utamanya Adam Smith. Adam Smith (1723-1790) merupakan bapa ekonomi moden dan bermula dari beliaulah lahirnya satu mazhab ekonomi yang dikenali dengan mazhab ekonomi klasik.

2. Sistem ekonomi adalah merujuk kepada cara-cara untuk menentukan keputusan yang melibatkan pemboleh ubah ekonomi dibuat di dalam sesuatu masyarakat. Jadi, sistem ekonomi bagi sesebuah masyarakat itulah yang menentukan bagaimana ketiga-tiga persoalan atas ekonomi dijawab. Sila lihat Lila J. Truett dan Dale B. Truett, *Economics*, (Toronto: Times Mirror/Mosby College Publishing, 1987), h. 33. Persoalan atas ekonomi ialah: (i) apakah jenis barang yang mesti dikeluarkan dan berapa kuantitinya, (ii) bagaimana cara untuk mengeluarkannya dan (iii) untuk siapa barang itu dikeluarkan.

Sila lihat Paul A. Samuelson, *Economics*, 10th Edition, (N. York: MacGraw-Hill Book Company, 1976), hh. 17-18; Stanley Fisher, Rudiger Dornbusch dan Ricahrd Schmalensee, *Economics*, 2nd Edition, (Boston: Richard D. Irwin, Inc., 1992), h. 15.

3. Philip A.S. Taylor, *A New Dictionary of Economics*, (London: Routledge & Kegan Paul, 1969), h. 84.
4. Golongan ini berpendapat pihak pemerintah patut berhati-hati di dalam melakukan campurtangan dan kalau boleh, tidak perlu campurtangan langsung di dalam operasi pasaran bebas dengan membiarkan kepada pasar sahaja. Dengan kata lain bagi golongan ini dasar yang paling baik sekali ialah *Laissez faire*.
5. Sila lihat pendapat al-Mawdūdī tentang perkara ini dalam Abū al-A'la al-Mawdūdī, *Usus al-Iqtisād Bayn al-Islām wa al-Nuzūm al-Mu'āṣirah*, cet. 2, (al-Dār al-Sa'ūdiyyah li al-Nashr, 1967).
6. Dr. Ahmad Muhammad al-'Assāl dan Dr. Fathi Ahmad 'Abd al-Karīm, *Nizām al-Iqtisād fī al-Islām: Mabādī'uh wa Ahdāfuh*, cet. 3, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1980), h. 71.
7. *Hisbah* bermaksud menggesa ke arah melakukan kebaikan (*ma'rūf*) apabila ternyata ia diabaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran apabila ternyata ia ketara dilakukan. Sila lihat Abū al-Hasan 'Alī bin Muhammad bin

- Habib al-Mawardi, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah*, cet. 3, (Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, 1973), h. 240.
8. Dr. Rāfiq Yūnus Miṣrī, *Uṣūl al-Iqtisād al-Islāmi*, cet. 2, (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1993), h. 64.
 9. Islam amat mengambil berat tentang kebebasan seseorang sehingga ditentukan bahawa tiada paksaan dalam beragama, tiada kepatuhan kepada sebarang kuasa dalam perkara yang membawa perbuatan maksiat kepada Allah, dianjurkan pembebasan hamba, ditegahkan melakukan kezaliman dan penindasan terhadap seseorang, membebas manusia daripada kefakiran, kelaparan, ketakutan dan kejahanan dan sebagainya.
 10. Dr. Monzer Kahf, *The Islamic Economy Analytical Study of The Functioning of The Islamic Economic System*, (Indiana: The Students' Association of The United States and Canada, t.t), h. 43 & 44.
 11. *Ibid.*, h. 44.
 12. Mengikut al-Shawkānī, Ḥadīth ini diriwayatkan oleh lima Imām Ḥadīth kecuali al-Nasā'i. Sila lihat Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Āwtar*, Juz 5, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), h. 232.
 13. Dr. Muḥammad Fāruq al-Nubhān, *Abḥāth fī al-Iqtisād al-Islāmī*, (Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, 1986), h. 63.
 14. Kahf, *op.cit.*, h. 44. Sila lihat juga Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn Taymiyyah, *Public Duties in Islam The Institution of The Hisba* (Terjemahan), (Leicester: The Islamic Foundation, 1982), h. 36.
 15. Kahf, *op.cit.*, h. 42.
 16. Rasionaliti di dalam kebanyakan penulisan ekonomi membawa makna kepentingan diri dan sentiasa konsisten di dalam membuat pilihan yang bertujuan memaksimumkan kebajikan diri. Pengkajian ekonomi menganggapkan keputusan yang dibuat oleh agen ekonomi adalah rasional. Sila lihat Syed Omar Syed Agil, “Rationality in Economic Theory: A Critical Appraisal” di dalam Sayyid Tahir et. al. (eds), *Reading in Microeconomics An Islamic Perspective*, (P. Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1992), h. 31-32.
 17. M. N. Siddiqi, *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam* (Terjemahan), (K.Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), h. 72.
 18. Sila lihat al-‘Assāl dan ‘Abd al-Karīm (1980), *op.cit.*, h. 78.

19. Perbincangan bagi setiap item tersebut boleh dilihat dalam *Ibid.*, hh. 80-90.
20. Al-Miṣrī (1993), *op.cit.*, h. 64.
21. Ahmad Hamoud Al-Maamiry, *Economics in Islam*, (N. Delhi: Lancers Books, 1987), h. 91.
22. *Ibid.*, h. 92.
23. Afzal-ur-Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, vol. 1, (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1974), h. 104.
24. Al-Maamiry (1987), *op.cit.*, h. 95.
25. Kafh (t.t), *op.cit.*, h. 48.
26. M. Umar Chapra, *The Economic System of Islam*, (Karachi: Department of Publications, University of Karachi, 1971), h. 56.
27. *Ibid.*, h. 56.
28. Sila lihat Muḥammad Bāqir al-Ṣadr, *Iqtisādunā*, cet. 16, (Beirut: Dār al-Ta‘āruf li-Matbuā‘at, 1982), h. 697.
29. Kahf (t.t), *op.cit.*, h. 50.
30. Sila lihat Afzal-ur-Rahman (1974), *op.cit.*, vol. 1, hh. 103-104.
31. Al-Sadr (1982), *op.cit.*, h. 708.
32. Islam mengajar umatnya supaya menganggapkan kehadiran kekayaan yang berbeza sebagai ujian daripada Allah. Dengan mengurniakan harta yang banyak kepada beberapa orang, Allah dapat melihat cara-cara mereka mengendalikan harta tersebut dan begitu juga Allah ingin melihat bagaimana penerimaan golongan miskin terhadap kemiskinan mereka. Sila lihat Afzal-ur-Rahman (1974), *op.cit.*, vol. 1, h. 88.
33. Al-Sadr (1982), *op.cit.*, hh. 706-707.
34. Contoh pengwujudan dana ini adalah sebagaimana yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia melalui tabung membantu golongan termiskin dan juga tabung khusus bagi bumiputra dalam Skim ASN dan ASB di bawah PNB.
35. Al-Nubhān (1986), *op.cit.*, h. 83.
36. Al-Maamiry (1987), *op.cit.*, hh. 100-103.
37. M. N. Siddiqi, *Muslim Economic Thinking A Survey of Contemporary Literature*, (Leicester: The Islamic Foundation, 1981), hh. 18-19.

38. Dalil pensyariatan ini boleh dilihat dengan terperinci dalam al-‘Assāl & ‘Abd al-Karīm (1980), *op.cit.*, hh. 92-94; al-Nubhān (1986), *op.cit.*, hh. 84-88.
39. Keterangan lanjut tentang konsep pemilikan harta mengikut Islam. Sila lihat Ab. Mumin bin Ab Ghani, “Konsep Pengagihan Pendapatan dan Kekayaan Menurut Perspektif Islam” di dalam *Monograf Syariah 2*, Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Mei 1994, hh. 51-66.
40. Sila lihat al-Shawkānī (1995), *op.cit.*, juz. 5, h.276-277.
41. Sila lihat al-‘Assāl & ‘Abd al-Karīm (1980), *op.cit.*, h. 91.
42. Al-‘Assāl & ‘Abd al-Karīm (1980), *op.cit.*, h. 95.
43. Sila lihat Zakariya bin Man “Rasional Ekonomi Untuk Penglibatan Kerajaan”, *Kursus Ekonomi Islam*, Anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Kajian Perniagaan dan Pengurusan, ITM, Shah Alam, 14-18 Julai 1987.
44. Keterangan lanjut mengenai ketiga-tiga aspek ini boleh dilihat dalam Ab Mumin Ab Ghani, “Keadilan Pengagihan Pendapatan dan Kekayaan Negara dari Perspektif Ekonomi Islam”, di dalam *Monograf Syariah 4*, Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Mei 1996, hh. 26-48.